

# **Pemimpin Cilik SK Pekan Satu Jadi Suri Teladan**



**Labuan, 31 Januari 2020** – Sekolah Kebangsaan Pekan Satu, W.P. Labuan telah mengadakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pemimpin Cilik bagi tahun 2020 di Dewan C.U.N.

Pemimpin Cilik SKPS yang menerima watikah pelantikan seramai 365 orang murid terdiri daripada 130 orang Pengawas Sekolah, 64 orang Pengawas Kebersihan , 15 orang Pengawas RMT, 15 orang Pembimbing Rakan Sebaya, 53 orang Pengawas PSS, 10 orang Pengawas SPBT dan 78 orang merupakan Ketua & Penolong Ketua Kelas .

Objektif utama program adalah untuk mewujudkan suatu budaya kepimpinan yang boleh diikuti oleh semua murid.

Majlis Perasmian disempurnakan oleh Guru Besar SK Pekan Satu Puan Anita Shyamini A/P S. Azman. Turut hadir memeriahkan majlis ialah PK Pentadbiran SKPS Encik Airol Azmi bin Abd Gani, PK HEM SKPS Puan Normah Binti Rahimi, PK Kokurikulum SKPS Encik Esmit bin Amat, PK PPKI SKPS Encik Mohd Faisal bin Haji Moin, dan 85 orang guru.



Dalam ucapannya, Puan Anita Syamini mengucapkan syabas dan

tahniah kepada semua Pemimpin Cilik SKPS yang telah berjaya dilantik, ini kerana murid-murid yang mempunyai kepimpinan sahaja yang dapat memegang jawatan agar mampu memimpin rakan-rakan murid yang lain.

*"Pada masa yang sama program ini juga bertujuan agar Pemimpin Cilik SKPS menjadi murid contoh yang berdisiplin, berbudi pekerti, mempunyai jati diri yang tinggi serta sentiasa berbakti kepada guru dan sekolah."*

*"Murid-murid lain jangan berkecil hati kerana tidak terpilih pada kali ini tetapi biarlah perkara ini menjadi pembakar semangat untuk terus melakukan tanggungjawab serta kebaikan di sekolah agar pada tahun hadapan kamu turut dilantik menjadi Pemimpin Cilik SKPS"* Puan Anita Syamini

Setelah selesai penyampaian watikah pelantikan kepada Pemimpin Cilik SKPS, Muhammad Bazli Isyraf bin Irwan Shah selaku Ketua Murid memimpin bacaan ikrar Pemimpin Cilik

SKPS bagi sesi 2020.



Ketua Murid Muhammad Bazli Isyraf memimpin bacaan ikrar Pemimpin Cilik SKPS bagi sesi tahun 2020.

Penyelaras program, Encik Muhamad Zafar bin Abu Bakar melahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada semua terutama kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling yang telah berjaya mengadakan majlis pada pagi ini.

Beliau juga berharap agar Pemimpin Cilik SKPS mampu menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan dengan jujur, amanah, dedikasi dengan penuh tanggungjawab selaras dengan visi dan misi sekolah.

**Berita Oleh : SK Pekan Satu**







# Guru Penolong Kanan Hem Bersara Dirai Seperti Raja Sehari



Labuan, 31 Januari 2020 :Persaraan Penolong Kanan Hal

Ehwal Murid (HEM) Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru, Encik Sabar bin Dalimin diraikan dengan meriah dalam satu ‘majlis perkahwinan’ bagi mengenang khidmat cemerlangnya di sekolah itu. Sabar, 60 secara sah menamatkan perkhidmatan pada 31 Januari lalu selepas berkhidmat sebagai guru selama 21 tahun. Pada hari tersebut, beliau mengenakan busana songket berona jingga dan bersulam keemasan.



Rombongan seterusnya bergerak ke Sekolah Kebangsaan Pekan Dua dimana Encik Sabar telah 7berkhidmat di sekolah tersebut pada tahun 201 hingga 2018. Encik Sabar telah dipersembahkan dengan satu persembahan daripada murid-murid SKPD dengan lagu ‘Cinta Terbaik dan Memori Tercipta’ yang begitu menyayat hati dan menggamit memori untuk Encik Sabar sepanjang mendidik di sekolah ini.



Seterusnya perjalanan rombongan diteruskan ke Sekolah Kebangsaan Membedai. Beliau mula berkhidmat di sekolah tersebut pada tahun 2010. Beliau disambut mesra oleh barisan pentadbir, guru-guru dan murid sekolah disana. Acara menandatangi turut menjadi penyeri sambutan di sana.



Sekolah yang keempat dimana Encik Sabar bertugas pada tahun 2011 di Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan. Beliau

disambut oleh barisan pentadbir, guru-guru dan semua murid sekolah. Upacara memotong kek menjadi penyeri sepanjang berada di Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan. Encik Sabar sempat bersalam-salaman dengan bekas murid-murid beliau sepanjang di Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan.



Pergerakan rombongan diteruskan ke Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru dimana sekolah terakhir beliau berkhidmat sebagai seorang Penolong Kanan Hal Ehwal dan seorang pendidik. Belliau sempat berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru pada tahun 2019 hingga kini. Beliau telah disambut dengan meriah. Beliau dikejutkan dengan paluan kompang dan kehadiran isteri tercinta, Puan Esah binti Hussin yang turut mengenakan busana pengantin simbolik pasangan seumur hidup beliau.

Semua

guru mengiringi beliau dan pasangan ke Dewan Sekolah Tanjung Aru. diserikan, persembahan tayangan multimedia dan penyampaian hadiah daripada kelas-kelas. Beliau dipersentuh dengan tayangan montaj sepanjang

perkhidmatan beliau sebagai seorang pendidik sehingga kini. Beliau turut memberikan ucapan terharu dan terima kasih kepada warga sekolah.

“ Saya mengucapkan terima kasih kepada barisan guru dan pentadbir yang sanggup bersusah payah mengatur majlis pada hari ini. Kejutan yang paling tidak disangka-sangka kehadiran isteri beliau pada hari ini”. Kata beliau dengan begitu gembira. Selain itu, beliau sempat menitipkan pesanan buat rakan guru yang lain. “ Saya berasa amat sedih kerana terpaksa meninggalkan kerjaya perguruan yang sudah sebatи dengan jiwa. Bagaimanapun, saya gembira kerana dapat mendidik anak bangsa menerusi kerjaya sebagai guru. Semoga rakan-rakan yang lain sentiasa bersemangat dalam meneruskan kerjaya sebagai seorang guru dan teruskan komitmen yang jitu.”. katanya



# **MPSM Raikan Persaraan Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun : Bakti Disanjung, Budi Dijunjung**



**Labuan, 18 Okt** – MPSM telah mengadakan majlis ringkas meraikan persaraan Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB), Puan Hajjah Jijah binti Mohamad Suhai di Hotel Dorsette.

Majlis ini telah dihadiri oleh Pengarah Pendidikan W.P. Labuan, Pengarah Kolej Vokasional dan semua pengetua dari sekolah-sekolah menengah di wilayah ini.

Puan Hajjah Jijah yang berasal dari Sarawak telah mula berkhidmat di Labuan sejak tahun 1998.

Beliau telah menabur bakti di beberapa buah sekolah sebelum menjawat jawatan pengetua di SMK Taman Perumahan Bedaun.

Antara sekolah-sekolah tersebut di Labuan ialah SMK Lajau

dan SMK Pantai IBWS.

Menceritakan pengalaman bertugas di Labuan, beliau menyatakan rasa syukur dan bangga kerana berjaya menamatkan perkhidmatan awam sebagai pendidik dengan rasa kepuasan yang tersendiri.



Puan Hajjah Jijah bersama Encik Raisin Saidin dan Pengetua-pengetua Labuan

Mula berkhidmat sebagai guru biasa di SMK PENRISSEN, Kuching, Sarawak dan kemudiannya menjawat jawatan PK PENTADBIRAN di SMK PANTAI.

Di SMK Pantai, beliau telah berjaya membawa sekolah ini ke satu tahap yang membanggakan dengan mendapat pengiktirafan sebagai International Baccalaureate World School (IBWS) daripada IBO pada tahun 2015.

Pada tahun 2016, beliau telah diberi kepercayaan untuk menerajui SMK Taman Perumahan Bedaun.

Sepanjang di SMKTPB, beliau telah membawa perubahan ketara dari aspek kemenjadian murid dan kualiti sekolah secara keseluruhan. Ini termasuklah menerajui SMKTPB sebagai Sekolah Transformasi Kohort pertama di Labuan.

*“Menjadi seorang guru memerlukan pengorbanan besar dari segi masa dan tenaga. Seseorang guru sentiasa memikirkan perkara terbaik untuk setiap anak muridnya tanpa memikirkan balasan kecuali kejayaan anak-anak muridnya”, Puan Hajjah Jijah.*

Beliau berharap agar pendidikan di pulau bertuah ini terus berkembang maju mencapai prestasi terbaik dari semasa ke semasa.



Puan Jijah ketika diraikan oleh warga SMK Taman Perumahan Bedauan

Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin yang turut hadir dalam majlis berkenaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Puan Hajjah Jijah atas jasa, sumbangan dan pengorbanan yang telah diberikan untuk warga Labuan secara keseluruhannya.

Beliau turut berharap agar Puan Hajjah Jijah terus memberi sumbangan bermakna kepada bidang pendidikan walaupun telah bergelar pesara kerana gelaran cikgu akan tetap kekal selamanya.

Dalam majlis tersebut juga, Encik Ismail Abdullah selaku YDP MPSM telah menyampaikan hadiah persaraan daripada pihak MPSM.

Encik Ismail turut melahirkan rasa kehilangan seorang rakan pengetua yang dedikasi dalam mendidik warga Labuan.

**Berita Oleh : MPSM Labuan**



Encik Ismail menyampaikan sijil penghargaan kepada Puan Hajjah Jijah

---

# **Murid SMK Mutiara Menyerlah Dalam Program 'Speaking'**

# Nation' 2019



**Labuan, 13 Okt** – Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah menganjurkan program Speaking Nation yang dikendalikan oleh Pengacara No. 1 negara Datuk Aznil Nawawi.

Datuk Aznil yang lebih dikenali sebagai Pak Nil telah diiktiraf oleh KPM sebagai Ikon Pembelajaran Abad Ke 21 (PAK21).

Program Speaking Nation telah diadakan pada 9 Oktober lalu, di Dewan SMK Pantai IBWS Labuan melibatkan lebih 200 murid dari semua sekolah menengah di Labuan.

SMK Mutiara telah diwakili oleh 20 orang murid terdiri daripada daripada Pengawas Sekolah dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dengan 2 guru pengiring iaitu Ustz Rohani binti Tali @ Md Ali dan Cikgu Normaisaraf binti Ab.Rashid.

Sebanyak enam acara berbentuk pertandingan dikendalikan

oleh Pak Nil bersama fasilitator-fasilitator daripada Yayasan Pesona. SMK Mutiara telah berjaya memenangi 5 daripada 6 kategori yang telah dipertandingkan.

Antara anugerah yang dimenangi ialah Anugerah sorakan terbaik, Anugerah kumpulan PAK21 (komunikasi), Anugerah kumpulan PAK21 (Kolaboratif), Anugerah kumpulan PAK21 (Kritis) dan Anugerah kumpulan PAK21 (Kreatif).



Pak Nil bersama para peserta yang hadir membanjiri Dewan SMK Pantai

Selain itu, satu anugerah khas telah diberikan oleh Pak Nil sebagai juri utama dalam pertandingan tersebut iaitu anugerah Peserta Luar Biasa. Anugerah ini diberikan kepada peserta yang telah berjaya mencuri tumpuan Pak Nil. Adik Muhd Amsyar Dzulqarnain bin Amirullah, murid Tingkatan 4 dari SMK Mutiara akhirnya telah dipilih sendiri oleh Pak Nil sebagai pemenang sebagai Peserta Luar Biasa.

Ketika ditemui, adik Muhd Amsyar menyatakan rasa syukur atas pemilihan sebagai Peserta Luar Biasa dalam slot yang

diadakan di Labuan kali. Beliau tidak menyangka aksi spontan dalam sesi lakonan telah berjaya menarik perhatian Pak Nil.

Dengan kemenangan ini, pasukan dari SMK Mutiara yang dikenali sebagai MUTIARA RELAX terpilih mewakili Labuan ke Putrajaya pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim mengucapkan tahniah atas kemenangan ini dan berharap agar semua guru terus berusaha mencungkil bakat dan potensi murid ke tahap terbaik.

**Berita Oleh : SMK Mutiara**



Aktiviti berkumpulan oleh pelajar-pelajar yang menyertai program ‘Speaking Nation’

---

## Program Tahsin Sahsiah

# **Remaja Muslim, ‘Sucikan Dirimu’ SMK Mutiara Bantu Murid Menyucikan Diri Secara Tertib**



**Labuan** – Seramai 158 murid-murid Tingkatan 4 dan 5 SMK Mutiara dibimbing secara amali di dalam Program Tahsin Sahsiah Remaja Muslim, Sucikan Dirimu yang telah diadakan di Surau Al Marjan, SMK Mutiara pada 23 Ogos 2019 lalu.

Program ini dianjurkan oleh Panitia Pendidikan Islam SMK Mutiara. Menurut penyelaras program, Ustazah Siti Sarah, aktiviti ini dianjurkan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran mandi wajib secara amali. Inisiatif ini diambil kerana hasil tinjauan mendapati ramai murid belum tahu tentang kaedah mandi wajib secara tertib.

Beliau juga mengucapkan terima kasih atas kerjasama daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Bomba dan Kecemasan Labuan dalam menjayakan program ini.

Sebelum sesi amali, satu sesi ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Abdull Basir Bin Mahadi dari JAWI Labuan. Dalam ceramah beliau, Ustaz Abdull Basir telah menekankan konsep kebersihan dan kesucian terutamanya dalam melaksanakan ibadat kepada Allah dan kehidupan sehari-hari.



Ustaz Abdull Basir bin Mahadi sedang menyampaikan ceramah berkaitan konsep kebersihan dan kesucian. Program bimbingan dilaksanakan secara berasingan antara murid-murid lelaki dan murid-murid perempuan.

Peserta-peserta yang ditemui telah melahirkan rasa teruja dalam melaksanakan amali tersebut. Mereka merasakan program ini sangat berguna terutama kepada golongan remaja dalam proses ‘menyucikan diri’. Hal ini kerana kebanyakan remaja merasa malu untuk bertanya tentang hal ini walaupun kepada ibubapa sendiri. Mereka berharap agar program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang demi kebaikan murid-murid.

Program diakhiri dengan Solat Taubah secara berjemaah yang diimamkan oleh Ustaz Abdull Basir.

**Berita Oleh : SMK Mutiara**

---

# The 4th International Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar



Panitia

Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara  
Wilayah Persekutuan Labuan  
dengan kerjasama Unit Bahasa, Jabatan Pendidikan Wilayah  
Persekutuan Labuan

telah menganjurkan The 4<sup>th</sup> International Creativity and  
Innovation

Exhibition & Language Teaching Seminar atau ringkasnya 4<sup>th</sup>  
CAIELTS

2019 pada 27 Julai 2019 bertempat di Dewan Semarak SMK  
Mutiara. Program tersebut  
juga telah mendapat sokongan Persatuan Ibu Bapa dan Guru  
SMK Mutiara dan SISC+

Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis perasmian pembukaan 4<sup>th</sup> CAIELTS 2019 telah disempurnakan oleh Encik Mohd Nizam bin Yasim, Pengetua SMK Mutiara selaku Penasihat CAIELTS. Dalam ucapannya, beliau merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan kerana telah menyokong usaha sekolah meningkatkan kualiti pedagogi melalui perkongsian amalan baik pembentangan kertas kerja dan pameran produk kreatif dan inovatif oleh guru-guru dalam dan luar Labuan.

Menurutnya lagi, CAIELTS bermula sebagai latihan dalam perkhidmatan peringkat Panitia Bahasa Inggeris SMK Mutiara yang pernah dipimpin oleh Dr. Hyginus Lester dan dahulunya dikenali sebagai Creative and Innovative English Language Teaching Seminar pada tahun 2016. Namun, tahun 2017 memperlihatkan penjenamaan semula CAIELTS sebagai Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar kerana peranannya yang lebih meluas. Ucapan terima kasih dilahirkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Labuan dan Innospace Labuan kerana telah menjadi kolaborator CAIELTS pada tahun 2016 dan 2017.

Beliau turut mengalu-alukan penyertaan 18 pembentangan kertas kerja, 48 pempamer, 19 peserta, 3 hakim inovasi, dan 21 orang ahli jawatankuasa pengelola. Antara yang

hadir dalam seminar tersebut adalah Ikon Guru Kebangsaan, Dr. Hyginus Lester Junior Lee, Ikon Guru Labuan Puan Suriani Alland Rice Oxley dan Encik Samih bin Kukung serta Guru Adiwira Labuan, Cik Norfadzillah Chin dan Encik Yahya Burhanuddin.



Guru sedang menerangkan bahan pameran kepada pengunjung dari negara Jepun

Pengerusi Pengelola CAIELTS, Dr. Hyginus Lester Junior Lee menyatakan bahawa CAIELTS tahun ini lebih unik dan istimewa kerana

menyelit pembentangan maya daripada dua pembentang luar negara, Profesor Madya

Dr. Jonathan Mark Newton dan Dr. Bui Le Diem Trang (Vietnam), masing-masing

pensyarah kanan dan lulusan pascasiswazah Victoria University of Wellington,

New Zealand. Pembentangan maya itu adalah tentang pengajaran bahasa Inggeris

melalui Task-based Language Teaching (TBLT) yang berjaya menggalakkan kemahiran

komunikatif dan pembelajaran berpusatkan murid.

Sally Ann Scott dari Labuan English Academy

adalah salah seorang pembentang fitur (featured speaker) dalam CAIELTS. Berasal dari United Kingdom, beliau berkongsi teknik dan petua mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam konteks sekolah rendah di Labuan. Puan Tomomi Iyama dari NPO SAM Japan dan Encik Daichi Baba dari ZenFoods Japan berkongsi tentang penjagaan kesihatan di sekolah-sekolah Jepun.

Dalam ucapan perasmian penutupan 4<sup>th</sup> CAIELTS 2019, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin bin Saidin menyatakan bahawa seminar pengajaran bahasa seperti ini dapat mendedahkan dan menerapkan amalan pedagogi kreatif dan inovatif dalam kalangan guru berorientasikan konsep pembelajaran abad ke-21, lantas mampu meningkatkan penguasaan dan profisiensi murid dalam bidang bahasa menggunakan aktiviti yang menarik dan efektif. Pameran kreativiti dan inovasi pula menjadi platform guru-guru berpengalaman memperkenalkan amalan pedagogi kreatif dan inovatif untuk dikongsi bersama, mempersebahkan kaedah pembelajaran dan pengajaran lebih menarik, membincangkan isu dan cabaran dalam pendidikan abad ke-21, dan membangunkan motivasi dan minat murid dalam pembelajaran serta menjana pemikiran yang lebih kritis. Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Encik Louren Abon, Pegawai SIP+ Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, wakil rasmi Pengarah Pendidikan.



Majlis Perasmian penutupan oleh Encik Louren (kiri) bersama Encik Mohd Nizam, Dr. Hyginus dan Puan Siti Aminah

The

4<sup>th</sup> CAIELTS 2019 turut memberikan sijil penghargaan kepada tiga orang inovator dalam kalangan pegawai pendidikan yang telah mengharumkan nama sekolah, jabatan, negeri, dan negara dalam program kreativiti dan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penerima sijil tersebut adalah Puan Suriani Alland Rice Oxley, Dr. Hyginus Lester Junior Lee, dan Encik Samih bin Kukung.

Bagi penilaian pembentangan pengajaran bahasa, Dr. Hyginus Lester Junior Lee meraih pingat emas dengan tajuk kajian “The Mystery of As”. Penerima pingat emas yang lain ialah Encik Samih bin Kukung (Velcro Smart Board Innovation – SK Lubok Temiang), Puan Junaidah Baharuddin dan Cik Norsuziana Amnor (ROGABA – SMK Mutiara), Pasukan SISC+ (Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan), dan Noor Azma Mukhtar (Keberkesanan Penggunaan Simbol Nombor Dalam Proses Tranformasi Ayat – SM Sains Labuan). Anugerah Pilihan Hakim bagi pembentangan terbaik pengajaran bahasa dirangkul oleh Encik Samih bin Kukung dan Dr. Hyginus Lester Junior Lee.

Penilaian Pameran Kreativiti dan Inovasi melihat pasukan I SPY 5 Starflowers (SMK Mutiara), Velcro Smart Board Innovation (SK Lubok Temiang), Model E-VAR (SMK Mutiara), BaTaSuSiRum (SM St. Anne), Biology A+ Secretbox (SM Sains Labuan), Grammar Blocks (SM Sains Labuan), DIY Mini Kit (SM Sains Labuan), Kit ALLIN 1 (SK Sangkabok, Kuala Penyu), CoCA-Or-La (SM Sains Labuan), dan Lukisan Kronologi (SM Sains Labuan) meraih pingat emas. Anugerah Pilihan Hakim kategori kreativiti dan inovasi dirangkul oleh Kit ALLIN 1 (SK Sangkabok, Kuala Penyu), KIT DIY Mini Kit (SM Sains Labuan), dan Lukisan Kronologi (SM Sains Labuan).

Turut hadir dalam The 4<sup>th</sup> CAIELTS 2019 ialah Puan Siti

Aminah binti Zakaria (Penolong Kanan Pentadbiran SMK Mutiara) dan Encik Josten Lamibai (Penolong Kanan Kokurikulum SMK Mutiara).

**Berita Oleh : SMK Mutiara**



Pemenang Pingat Emas Kreativiti dan Inovasi (Pasukan I SPY 5 Starflowers – SMK Mutiara)



Pembentangan Puan Sally Ann Scott



Penerima sijil penghargaan (dari kiri: Dr Hyginus, Puan Suriani, Encik Samih)





(dari kiri: Dr. Hyginus, Puan Sally Ann Scott, Encik Mohd Nizam, Puan Tamomi Iyama, Encik Daichi)

---

# Majlis Sarana Interaksi Akademik Bersama Ibu Bapa SMK Labuan 2019



Labuan – SMK Labuan telah mengadakan Majlis Sarana

Interaksi Akademik Bersama Ibu Bapa pada 22 Jun lalu, bertempat di Dewan Mutiara SMK Labuan.

Semasa memberi taklimat kepada ibu bapa pelajar Tingkatan 5, Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah dalam ucapannya, SMK Labuan menyasarkan 100 peratus lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sasaran Gred Purata Sekolah (GPS), 4.55.

Untuk rekod, calon SPM SMK Labuan tahun ini ialah seramai 250 orang, SMK Pantai IBWS 165, SMK Mutiara 137, SMK Taman Perumahan Bedaun 82, SM St Anthony 72, SMK Lajau 69, SMK Rancha-Rancha 65, SM St Anne 64 dan SM Sains Labuan seramai 61 orang.

Bagi merealisasikan kejayaan ini, Encik Ismail berkata pelbagai program dirancang dan sedang dilaksanakan oleh pihak sekolah antaranya ialah “JOM LULUS SPM KITA” , “1A1M : MINIMA 1A KITA” dan “JOM 6A MARI KITA NAIK PENTAS”.

Strategi yang dirancang dalam program itu seperti menyediakan jadual anjal kelas, bimbingan bersama guru, bengkel teknik menjawab, kelas bimbingan mata pelajaran elektif dan modul latih tubi.



Interaksi Cikgu Sufian bersama ibu pelajar mengenai prestasi anak beliau

Encik Ismail juga menekankan betapa pentingnya peranan ibu bapa seperti sentiasa memastikan kehadiran anak ke sekolah, memastikan keperluan persekolahan, sokongan psikologi dan motivasi kepada anak serta mendoakan anak-anak setiap hari.

Selepas taklimat pengetua, ibu bapa berinteraksi dengan guru kelas tentang prestasi Peperiksaan Pertengahan Tahun, sasaran peningkatan prestasi dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Turut hadir, Yang Dipertua PIBG SMK Labuan, Tuan Hj Md Yusof Hj Chuchu, Penolong Kanan Pentadbiran, Puan Zalina Zunkepely, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Puan Marziawati Mardan dan Penolong Kanan Petang Encik Kitli Beka.

**Berita Oleh : SMK Labuan**



Interaksi Cikgu Cheah bersama ibu bapa dan murid

---

**Jalinan Kasih DWEN  
mengimarahkan Iftar Jamaei  
SK Layang-Layangan**



Program Penghayatan (Ihya') Ramadan adalah satu program pembangunan sahsiah yang dianjurkan oleh Panitia Pendidikan Islam SK. Layang-Layangan WP. Labuan.

Aktiviti utamanya adalah ceramah agama Nuzul Quran, tadarus Al-Quran, pertandingan mewarna, tabung Ramadan Kareem, iftar jamaie dan lain-lain amalan sunat.

Antara pengisian Program Ihya' Ramadan tahun 2019 adalah Tadarus Al- Quran di mana semua guru dan murid-murid tahun 6 diperuntukkan masa rehat untuk bertadarus al-Quran.

Selain itu, Tabung Ihya' Ramadan juga telah dilancarkan bagi menggalakkan guru-guru, murid-murid dan kakitangan bersedekah / berinfaq bagi merebut ganjaran berlipat ganda sempena Ramadan Al-Mubarak ini. Hasil kutipan ini disalurkan kepada golongan yang memerlukan.

Majlis Iftar Jamaie melibatkan semua guru dan kakitangan berbuka puasa di Tiara Hotel bersama-sama dengan golongan warga emas seramai 20 orang dari Kg. Sungai Labu dan Kg. Bebuloh.

Melalui Dasar Warga Emas Negara (DWEN) yang mengiktiraf warga emas sebagai warganegara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman yang mempunyai hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara.

Manakala seramai 7 orang anak-anak yatim dan 25 orang anak miskin yang terpilih dan seterusnya menerima sumbangan melalui sedekah atau infaq yang telah diperolehi daripada para dermawan dan Tabung Ihya' Ramadan. Tidak ketinggalan kumpulan PIBK juga turut menerima sumbangan daripada Guru Besar kerana usaha sama mereka dalam kejayaan sekolah.



Sumbangan untuk anak yatim disampaikan oleh Tuan Pengarah Di antara penyumbang program ini adalah terdiri daripada Tuan Haji Wahab Andot, Pengarah Arif Electrical Engineering yang merupakan ahli perniagaan, Pusat Pungutan Zakan WP. Labuan, Labuan Society dan orang perseorangan.

Program Ihya' Ramadan ini diadakan bertempat di Tiara Hotel dan Iftar Jamaei SK. Layang-Layangan merupakan

program kemuncak bagi program tersebut.

Majlis yang dihadiri oleh Pengarah Pendidikan WP. Labuan, YBhg. Cikgu Raisin Bin Saidin selaku perasmi, Tuan Haji Wahab Bin Andot, Ustaz Ahmad Adha bin Ahmad Zohdi Penolong Pengurus PPZ, En. Abd. Aziz Penolong Pengarah JaPen, Hajah Haryani Binti Datuk Hj. Isli, En. Shah Redzuan NYDP sekolah ini dan Sarjan Rozilan Pegawai Polis angkat serta warga guru.

Dalam ucapan perasmian beliau menyentuh tentang manfaat yang diperolehi oleh murid-murid melalui aktiviti Ihya Ramadan dan berharap supaya program seperti ini dapat dibugarkan lagi pada setiap tahun dari semasa ke semasa. Beliau juga turut menyanjung usaha sekolah dengan keterlibatan warga emas dalam program ini yang beliau anggap sebagai satu langkah yang proaktif dalam menjalin hubungan baik dan kasih sayang sesama insan.

Terdahulu

Guru Besar SKLL, Puan Hajah Dayang @ Saidah Bte Hj Md Yassin semasa ucapan aluannya memperkatakan mengenai bulan Ramadan adalah ‘Bulan Tarbiyah’ (bulan didikan) yang mana melaluinya, seseorang Muslim itu seharusnya terdidik imannya, jiwanya dan peribadinya melalui pelbagai program kerohanian yang dilaksanakan untuk mendidik jiwa murid-murid. Beliau turut mengingatkan kepada semua supaya sentiasa membaca Al Quran sebagai amalan harian serta berusaha mengangkat mertabat warga emas dan tidak melupakan jasa mereka yang terdahulu pernah menabur jasa.

Program ini dapat memberikan peluang kepada warga sekolah untuk turut serta menyumbang tenaga, kepakaran dan

kewangan dalam program kemasyarakatan bersempena bulan penuh keberkatan ini disamping menggembirakan hati para anak yatim dan miskin yang memerlukan bantuan.

**Berita Oleh : SK Layang-Layangan**



Tuan Pengarah menyantuni seorang warga emas yang menerima sumbangan

---

## **Hari Keusahawanan SKLL tingkat Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta**



**Labuan** – Selari dengan anjakan ke 9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Hari Keusahawanan Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan WP. Labuan telah berjaya memperluas serta meningkatkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam bidang pendidikan keusahawanan.

Guru Besar sekolah ini, Hajah Dayang Saidah Bte Hj Md Yassin berkata, “Hubungan baik yang diwujudkan antara guru dan ibu bapa, komuniti serta pihak swasta menerusi program sebegini seharusnya menjadi contoh kepada semua dalam merealisasikan agenda pendidikan negara”.

Karnival sehari anjuran bersama Unit Hem dan PIBG yang diketuai oleh Cikgu Tuan Mohd. Edzuwan Bin Tuan Mohd. Raffi, Pengurus Kelab Kebajikan Guru sekolah ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, Encik Raisin Saidin di Dewan Surapit SK. Layang-Layangan WP. Labuan.

Dalam ucapannya, Encik Raisin Saidin berkata “Melalui

pelibatan semua pihak yang berkepentingan dalam bidang pendidikan ini, diharap dapat menjalin silaturrahim yang baik di samping mengumpul dana bagi mengisi tabung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk pembangunan sekolah”.

Turut menyantuni undangan ke majlis ini ialah YBhg. Tuan Ismuni Bin Bohari, Pengarah Kesihatan Negeri WP. Labuan, En. Jumadi Bin Kastari YDP PIBG SK. Layang-Layangan, Puan Zaleha Bte Salleh Pegawai Meja PIBK Negeri, PDRM, AADK dan Ketua Kampung Sg. Labu.



Para tetamu minum susu Ducth Lady

Karnival yang disekalikan dengan program 3K iaitu Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan ini dapat memberi impak dan kesedaran kepada masyarakat dan murid-murid sekolah ini betapa pentingnya melestarikan anugerah alam dan menjaga kebersihan persekitaran dan mengutamakan kesihatan dan keselamatan.

Program ini berjaya mendapat pelbagai sumbangan dan tajaan daripada pelbagai agensi termasuk pihak PIBKK, Dutch Lady, PDRM, SSPN, AADK, Bank Rakyat, Jabatan Kesihatan, Labuan Soceity, Jabatan Alam Sekitar,

Jabatan Penerangan dan masyarakat setempat turut memberikan sokongan padu dengan menyertai aktiviti gerai jualan, menyaksikan pameran agensi kerajaan dan membeli produk jualan warga sekolah.

Pelbagai aktiviti turut dijalankan antaranya Minum Susu Ducth Lady beramai-ramai, pameran NGO, pemeriksaan kesihatan percuma, Jualan Amal, Bekam, pertandingan mewarna Ibu dan Anak yang disertai seramai 80 peserta, Karaoke, Sukaneka dan Senamrobik, Pertandingan Masakan dan Gubahan Tuala, Rumah Hantu serta fenomena Beyblade yang disertai seramai 170 orang peserta dan 13 buah gerai jualan pelbagai menu menyemarakkan lagi Karnival Hari Keusahawanan SKLL.



Sebelum itu para VIP telah menanam pokok betik sebagai tanda perasmian Sekolah Lestari Alam Sekitar yang mana sekolah ini akan turut bertanding di peringkat negeri begitu juga pelibatan sekolah dalam petandingan Patrol Dangue.

Dalam pada itu perasmian Bilik PIBK SK. Layang-Layangan

juga telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Pengarah, Encik Raisin Saidin. Beliau begitu teruja melihat pameran dan kagum dengan usaha pihak sekolah dapat menyediakan bilik yang selesa untuk kegunaan Ibu Bapa dan Komuniti.

Semoga usaha menarik minat usahawan muda dan Ibu Bapa oleh guru-guru dapat membuka mata dan minda warga SKLL supaya mendidik masyarakat tentang erti berdikari dan terus berusaha.

**Berita Oleh : SK Layang-Layangan**



Perasmian Bilik PIBK SK. Layang-Layangan oleh Encik Raisin Saidin



SSPN antara yang mengikuti pameran dan promosi menabung

---

**Dr Hyginus Menang Anugerah  
Ikon Inovasi World  
Invention Intellectual  
Property Associations  
(WIIPA) , Taiwan**



Labuan : Dr Hyginus Lester Junior Lee, Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+), Jabatan Pendidikan Labuan melakar sejarah dengan kejayaan memenangi Anugerah Ikon Inovasi kategori Mentor Inovasi dalam acara rasmi World Invention Intellectual Property Associations (WIIPA), sebuah organisasi yang berpusat di Taipei City, Taiwan.

International Innovation, Creativity and Technology Exhibition 2019 (i2CreateTE) yang berlangsung di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur pada 12-14 April 2019 telah dianjurkan bersama oleh World Invention Intellectual Property Associations (WIIPA), Persatuan Penyelidikan dan Inovasi Malaysia (MyRIS) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Perlis (JHEPA UniMAP).

Calon dikehendaki mengemukakan eviden penyertaan aktif dalam program-program inovasi dan penyelidikan sepanjang tahun 2015 hingga 2019. Pemilihan pemenang telah dibuat oleh panel pakar yang dilantik.

Pencarian Ikon Inovasi terbahagi kepada empat kategori iaitu Ikon Cilik (sekolah rendah), Ikon Remaja (sekolah menengah), Ikon Varsiti (institusi pengajian tinggi) dan Mentor Inovasi (guru sekolah rendah dan menengah).

Penganugerahan diadakan dalam majlis perasmian penutup yang disempurnakan oleh Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis.



Dilahirkan di Kota Kinabalu, Sabah, Hyginus telah bertugas sebagai Guru Cemerlang Bahasa Inggeris serta Guru Kanan Bidang Kreativiti dan Inovasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara. Beliau bergiat aktif dalam inovasi dan penyelidikan sejak tahun 2010.

Beliau mula berkecimpung dalam bidang ini setelah didorong oleh mantan pengetua beliau, Hajah Zamzam Haji Abdul Rashid, yang memberi kepercayaan kepada beliau untuk menghasilkan produk bagi membantu meningkatkan

penguasaan serta minat murid dalam bahasa Inggeris.

Inovasi pertama beliau adalah SMARTies: Simple, Meaningful and Rewarding Test: I am an English Specialist. Inovasi ini pernah memenangi Anugerah Guru Inovatif Mutiara pada tahun 2010 dan johan peringkat negeri Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2011.

Kemudiannya, inovasi itu telah dipertandingkan dalam The 20th MELTA International Conference Creative Teacher Showcase di Terengganu dan mendapat anugerah gangsa.

SMARTies turut dibentangkan dalam The 9th Asia TEFL International Conference di Seoul, Korea Selatan dan The 1st Indonesia International Conference on Linguistics, Language Teaching and Culture, Universitas Pamulang, Indonesia.

Inovasi I SPY 5 Stars beliau pula memberi fokus kepada cara mudah dan berkesan untuk menguasai elemen tatabahasa ‘subject-verb agreement’.

Inovasi itu telah memenangi Anugerah Guru Inovatif peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, Anugerah Khas Inovasi dan Kreativiti Hari Guru, Inovasi Terbaik Program Jejak Inovasi Negara 2012, 21st MELTA International Conference Creative Teacher Showcase Silver Award, Anugerah Khas Pengaruh Pendidikan, Inovasi Generasi Muda Terbaik 2012-2013, dan Asia TEFL (Korea) Travel Grant Award 2013.

Kajian tindakan keberkesanan inovasi I SPY 5 Stars telah dibentangkan dalam The 11th Asia TEFL International Conference di Ateneo de Manila University, Filipina, Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia dan The 4th MELTA International Research Conference in English Language Education.

Atas usaha penambahbaikan, Hyginus memperkenalkan lagi I

SPY 5 Stars Version 2.0. Kajian terhadap inovasi itu telah dibentang di 2015 Applied Linguistics Association of Korea (ALAK) International Conference di Chung-Ang University, Korea Selatan, 1st Creative and Innovative English Language Teaching Seminar 2016, dan 2nd Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar 2017 serta Labuan International Conference on Educational Research 2017.

Pada tahun 2015, beliau mengetuai pasukan inovatif SMK Mutiara bersama Noor Hasimah Mohd Ayub dan Nor Adliana Ahmad Basaruddin, dan berjaya menghasilkan Kit Pengurusan Panitia.

Inovasi itu mampu membantu ketua-ketua panitia mata pelajaran di sekolah untuk mengurus dan merekod maklumat guru, panitia serta kurikulum dengan lebih sistematik dan mudah diakses.

Pada tahun 2016, beliau telah membantu guru bukan opsyen bahasa Inggeris mengajar murid lemah untuk mengenal pasti kedudukan subjek, kata kerja, objek dan predikat dalam ayat serta teknik pembinaan ayat mudah dengan betul dan bermakna.

Kesungguhan beliau bersama Norzuliana Abd Hamid telah menghasilkan SuVA Game dan SuVA Grammar Cards. Mereka turut memenangi Anugerah Guru Inovatif.

Usaha berterusan beliau membantu golongan pendidik telah diiktiraf dengan menerima Anugerah Warga Pendidikan Kreatif dan Inovatif, Anugerah Khas Guru Pembimbing Inovasi, Anugerah Galakan Inovasi Pemimpin di Sekolah, dan Anugerah Khas Sokongan Inovasi pada tahun 2017.

Tahun 2018 melihat pembangunan terbaru inovasi beliau dengan ciptaan I SPY 5 Starflowers yang memudahkan penggunaan tatabahasa ‘subject-verb agreement’ dan ‘plural nouns’ dalam bentuk kelopak bunga.

Idea itu telah mendapat kerjasama profesional daripada Ketua Panitia Bahasa Inggeris SMK Mutiara Cik Debbie Lawrence dan Ketua Pentaksir ULBS Sekolah Onnia Ahngol.

Perkongsian amalan terbaik mereka dibentang dalam The 3rd International Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar 2018.

Hyginus dianugerahkan Tokoh Penyelidikan dan Inovasi, Commendation for Research and Innovation 2018 serta Anugerah Khas Pengarah Pendidikan.

Kemahiran pementoran Hyginus terserlah apabila pasukan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) sekolah beliau buat julung kalinya menyertai Pertandingan KIK peringkat negeri dan memenangi tempat ketiga untuk ciptaan Sistem e-Merit Mutiara (SeMMut), sebuah platform pengisian markah merit murid untuk sumbangan kurikulum, kokurikulum dan sahsian peringkat sekolah, negeri dan kebangsaan.

Inovasi SeMMut memenangi Anugerah Pilihan Hakim dalam The 3rd International CAIELTS 2018 dan Anugerah Inovasi Organisasi.

Hyginus juga membimbing Panitia Bahasa Melayu SMK Mutiara dalam penghasilan inovasi ‘Rogaba’ untuk komponen kesusasteraan yang memenangi Anugerah Pilihan Hakim Pertandingan Kreativiti dan Inovasi Karnival Keusahawanan PIBG 2018.

Sebagai Guru Kanan Bidang Kreativiti dan Inovasi, beliau mengadakan sesi Pembelajaran Profesional Komuniti (Professional Learning Community – PLC) dua kali setiap bulan dan melibatkan kesemua panitia di sekolah.

Keberhasilan PLC yang telah dijalankan berjaya melahirkan 10 inovasi panitia di mana 10 inovasi itu bertanding dalam pertandingan kreativiti dan inovasi peringkat negeri serta dibentangkan dalam Seminar Kajian Tindakan

Panitia 2019 baru-baru ini.

Justeru, Hyginus merakamkan penghargaan kejayaan penganugerahan Mentor Inovasi itu kepada Pengarah Pendidikan Labuan Raisin Saidin, Ketua Sektor Jaminan Kualiti Khaziyati Osman dan mantan Pengetua SMK Mutiara, Louren Abon atas sokongan dan dorongan mereka.

Beliau adalah Ikon Guru Labuan 2014 dan Ikon Guru Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia 2015 dan merupakan penerima Bett Asia 2016 Global Citizen Award.

Graduan Victoria University of Wellington (Sarjana Muda Pendidikan TESOL), Universiti Utara Malaysia (Sarjana Pendidikan) dan Universiti Malaysia Sabah (Doktor Falsafah) ini sekarang bertugas sebagai Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) bermula April 2019.

i2CreaTE 2019 Kuala Lumpur disertai oleh 12 negara. World Invention Intellectual Property Associations (WIIPA) mempunyai keahlian daripada 26 negara yang terdiri daripada persatuan-persatuan inovasi, sekolah, dan organisasi berkaitan termasuk Brazil, Kanada, Croatia, Mesir, Hong Kong, Indonesia, Iran, Itali, Jepun, Korea, Macau, Malaysia, Myanmar, Filipina, Poland, Qatar, Romania, Saudi Arabia, Singapura, Sri Lanka, Thailand, Turki, Emiriah Arab Bersatu, Amerika Syarikat, dan Vietnam.